

Headline	Syor tempoh percubaan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Mar 2015	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	13	ArticleSize	342 cm ²
AdValue	RM 11,744	PR Value	RM 35,232



BAYAR CUKAI PENDAPATAN GUNA KAD KREDIT

Syor tempoh percubaan

» Kerajaan disaran kaji keberkesanan sebelum pelaksanaan

Oleh Luqman Arif Abdul Karim

luqman.arif@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Kerajaan dicadang mencuba dahulu kaedah pembayaran cukai pendapatan menggunakan kad kredit selama dua tahun bagi mengkaji keberkesanan pelaksanaannya.

Pensyarah Sekolah Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Amir Baharuddin, berkata antara kesan yang perlu diteliti sepanjang tempoh percubaan itu adalah peningkatan pemutang kad kredit di negara ini.

Beliau berkata, kaedah itu ibarat 'tutup lubang dengan lubang' boleh mempengaruhi

pengurusan kewangan, khususnya golongan muda yang baru mendapat pekerjaan.

Kaedah kurang sesuai

"Hasrat kerajaan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk memudahkan pembayaran cukai pendapatan menerusi atas talian adalah langkah tepat dan selaras dengan teknologi terkini.

"Bagaimanapun, kemudahan yang diberi kepada orang ramai untuk membayar cukai secara hutang menggunakan kad kredit tidak bersesuaian berikutan peningkatan individu muflis saban tahun.

"Jalan terbaik ialah jadikan kaedah pembayaran ini seba-

gai langkah percubaan supaya ia boleh diperbaiki sekiranya timbul kesan negatif," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Cetus masalah hutang

Amir juga bimbang kerana orang ramai lebih cenderung memilih jalan mudah dengan

berhutang walaupun mereka mempunyai keupayaan berbelanja yang terhad.

Sehubungan itu, katanya, pembayaran cukai pendapatan menggunakan kad kredit akan mencetuskan masalah hutang berganda kepada isi rumah.

"Masyarakat perlu dididik untuk menguruskan perbelan-

jaan secara berhemah dan tidak menggalakkan mereka menambah hutang sewenang-wenangnya menggunakan kad kredit," katanya.

“Jalan terbaik ialah jadikan kaedah pembayaran ini sebagai langkah percubaan supaya ia boleh diperbaiki sekiranya timbul kesan negatif”

Dr Amir Baharuddin,
Pensyarah UUM

Headline	Syor tempoh percubaan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Mar 2015	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	13	ArticleSize	342 cm ²
AdValue	RM 11,744	PR Value	RM 35,232

LHDN terima bayaran guna kad kredit

► Kerjasama dengan Maybank memastikan urusan lebih mudah, pantas

Neh Suhaila Shahrul Annuar
nshahaila.shahrul@bh.com.my

Cyberjaya

Pembayar cukai kini boleh membayar cukai pendapatan menggunakan kad kredit dan debit Visa, MasterCard atau American Express yang dikeluarkan oleh institusi perbankan negara ini.

Pembayaran boleh dilakukan menerusi portal Bayar Hasil yang disediakan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) iaitu <https://bayarhasil.gov.my/>.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan, berkata pembayaran yang bermula semalam itu adalah inisiatif terkini LHDN dengan kerjasama Maybank bagi memastikan urusan pembayaran cukai lebih mudah dan pantas.

"Ia dapat mewujudkan lebih banyak masyarakat tanpa tunai yang melakukan pembayaran secara dalam talian, selain lebih elesa kepada pembayar cukai yang sebelum dilakukan secara tunai dan perbankan internet."

Sasar 7.53 juta transaksi

"LHDN menasaskan bilangan transaksi pembayaran cukai pendapatan secara dalam talian tahun ini meningkat kepada 25 peratus daripada 7.53 juta transaksi bayaran cukai, berbanding hanya 13.1 peratus tahun lalu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas pelancaran inisiatif terbaharu itu sempena Sambutan Hari Hasil Ke-19 di Menara Hasil, di sini semalam. Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Tan Sri Dr Mohd Shukur Mahfar.

LHDN turut melancarkan kempen Saya Cinta Malaysia bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan membayar cukai dan menjadikan selebriti terkenal tanah air, Datuk Aznil Nawawi, sebagai ikon.

Dalam pada itu, Ahmad berkata, kerajaan melalui LHDN menasaskan kutipan cukai RM142.65 bilion tahun ini.

Bagaimanapun, Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang mula dilaksanakan pada 1 April dijangka mengurangkan kutipan cukai pendapatan sebanyak RM6.12 bilion apabila cukai pendapatan disemak semula dan diturunkan antara satu hingga tiga mata peratusan.

Pelaksanaan dasar gaji minimum swasta pula dijangka menyebabkan penurunan kutipan cukai syarikat hampir RM2.4 bilion apabila Bank Negara Malaysia (BNM) mengangalkan dasar ini memberi kesan langsung kepada peningkatan kos operasi syarikat sebanyak hampir RM10 bilion.

Dalam perkembangan lain, Ahmad berkata pembayaran kedua dan ketiga Bantuan Rakyat Malaysia (BR1M) 2015 masing-masing akan bermula pada 28 Mei dan 28 September ini.

“Pembayaran yang bermula semalam itu adalah inisiatif terkini LHDN dengan kerjasama Maybank bagi memastikan urusan pembayaran cukai lebih mudah dan pantas”

Ahmad Maslan,
Timbalan Menteri Kewangan

Ahmad bersama Aznil dan Mohd Shukur pada majlis Sambutan Hari Hasil Ke-19 di Menara Hasil, Cyberjaya, semalam.
(FOTO AHMAD BRIHAM MOHD NOOR/BH)

Keratan **laporan akhbar BH** semalam.